

**KBAT****EKSTRA****IDEA** >>> Masa

Kos

Berdikari

Berdisiplin

Kemudahan

Penjelasan

Tidak gembira

Tekanan

Situasi berikut berkaitan dengan dilema yang dihadapi oleh seorang murid.

Jason mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh. Ibu bapanya memberikan sokongan yang kuat dan meletakkan harapan yang tinggi agar dia menerima tawaran tersebut. Walau bagaimanapun, dia sebenarnya lebih suka belajar di sekolah harian.

1. Nyatakan kebaikan belajar di sekolah harian dan sekolah berasrama penuh.

KBAT
Menilai

(a) Sekolah harian

(i) Mempunyai masa berkualiti bersama-sama keluarga

(ii) Kos yang lebih rendah

(iii) Dapat menikmati keselesaan di rumah sendiri

(b) Sekolah berasrama penuh

(i) Membentuk sikap berdikari

(ii) Menjadi lebih berdisiplin

(iii) Mempunyai pelbagai kemudahan pembelajaran yang disediakan

2. Jelaskan pilihan bermoral yang perlu dibuat oleh Jason.

Jason perlu memilih jenis sekolah yang disukai olehnya. Dia perlu menjelaskan kepada ibu bapanya tentang pilihannya dengan cara yang baik agar dapat diterima oleh ibu bapanya.

3. Senaraikan keperluan Jason membuat pilihan bermoral dalam situasi ini.

KBAT
Menganalisis

(i) Dapat memilih jenis sekolah yang disukai untuk belajar

(ii) Agar tidak menyesal apabila tidak dapat membiasakan diri di sekolah berasrama penuh

4. Ramalkan kesan jika Jason mengikut kehendak ibu bapanya dengan belajar di sekolah berasrama penuh.

KBAT
Menganalisis

(i) Tidak dapat mengikuti proses pembelajaran dengan hati yang gembira

(ii) Tidak dapat meluangkan masa bersama-sama ibu bapa

(iii) Mengalami tekanan perasaan kerana tidak berminat untuk belajar di sekolah berasrama penuh

Terima mana-mana jawapan yang munasabah



KBAT

EKSTRA

IDEA >>>

Dibunuh

Melaporkan

Melindungi

Pupus

Ekosistem

Foto di bawah menunjukkan beberapa contoh produk yang diperbuat daripada kulit haiwan.



1. Haiwan merupakan salah satu anugerah alam ciptaan Tuhan.
Apakah perasaan anda apabila melihat produk-produk tersebut dihasilkan dengan menggunakan kulit haiwan?
Berikan alasan anda.

Sedih kerana hidupan liar dibunuh untuk memenuhi kemewahan hidup manusia

2. Nyatakan haiwan yang sering menjadi mangsa pemburu haram.

KBAT

Menganalisis

(i) Gajah

(ii) Harimau

(iii) Tapir Malaya

(iv) Orang utan

3. Bagaimanakah anda dapat membantu usaha mengurangkan masalah pemburuan haiwan liar?

KBAT

Mengaplikasi

(i) Melaporkan kejadian pemburuan haram kepada pihak berkuasa

(ii) Melindungi haiwan liar daripada terus diburu

(iii) Tidak membeli barang yang diperbuat daripada bahagian badan haiwan liar

4. Ramalkan kesan jika haiwan liar terus diburu.

KBAT

Menilai

(i) Hidupan liar akan pupus

(ii) Keseimbangan ekosistem akan terjejas

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

**KBAT****EKSTRA****IDEA**

Warisan

Mata jahat

Kebahagiaan

Jurang

Harmoni

Leka

Menasihati

Maklumat berikut merupakan amalan tradisi kekeluargaan bagi kaum India.

Amalan 1	Amalan 2	Amalan 3
Mengikat dua batang pokok pisang di halaman rumah pengantin lelaki dan pengantin perempuan	Menggantung labu di halaman rumah	Mendidihkan susu di dalam periuk tanah semasa masuk ke rumah baharu

1. Nyatakan tujuan amalan tradisi kekeluargaan kaum India di atas.

KBAT

Menganalisis

- (a) Amalan 1: Sebagai lambang penerusan warisan
- (b) Amalan 2: Sebagai tanda mengalihkan "mata jahat" yang memandang ke arah rumah
- (c) Amalan 3: Sebagai tanda kebahagiaan

2. Berikan sebab-sebab kaum India perlu mengekalkan tradisi kekeluargaan tersebut.

KBAT

Menilai

- (i) Merapatkan jurang antara generasi tua dengan generasi muda
- (ii) Mewarisi tradisi kekeluargaan dari generasi ke generasi
- (iii) Mengeratkan hubungan antara anggota keluarga
- (iv) Mewujudkan suasana harmoni dalam keluarga

3. Penggunaan gajet elektronik dalam kalangan generasi muda telah menjejaskan amalan tradisi kekeluargaan. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Berikan alasan anda berserta contoh yang sesuai.

KBAT

Menilai

- (i) Bersetuju
- (ii) Generasi muda leka dan mementingkan penggunaan gajet elektronik sehingga melupakan amalan tradisi kekeluargaan
- (iii) Sebagai contoh, generasi muda menggunakan telefon bimbit semasa makan bersama-sama keluarga

4. Sesetengah individu berpendapat bahawa amalan tradisi kekeluargaan merupakan suatu beban.

KBAT

Menganalisis

- Bagaimanakah anda membantu mereka mengubah persepsi negatif tersebut?
- (i) Memberitahu mereka tentang keperluan amalan tradisi kekeluargaan dalam kehidupan seharian
- (ii) Menasihati mereka agar mengamalkan tradisi kekeluargaan sebagai cara hidup
- (iii) Mengajak mereka menyertai aktiviti yang berkaitan dengan tradisi kekeluargaan pelbagai kaum yang dianjurkan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan
- Terima mana-mana jawapan yang munasabah



KBAT

EKSTRA

IDEA >>>

Perbezaan

Budaya dan adat resam

Agama

Perpaduan

Tolak ansur

Budaya

Bahasa

Gambar di bawah menunjukkan suatu persahabatan yang melibatkan pelbagai kaum.



1. Apakah jenis konflik yang perlu dielakkan dalam persahabatan yang melibatkan pelbagai kaum? Jelaskan konflik tersebut secara ringkas.

Konflik etnik, agama dan budaya, iaitu konflik yang berlaku disebabkan oleh perbezaan agama, bangsa dan budaya yang berlainan dalam suatu persahabatan

2. Bagaimanakah cara untuk mengelakkan berlakunya sebarang konflik apabila menjalinkan hubungan persahabatan yang melibatkan pelbagai kaum?

KBAT
Mengaplikasi

- (i) Mengenali budaya dan adat resam yang diamalkan oleh sahabat berlainan kaum
- (ii) Menghormati amalan agama yang diamalkan oleh sahabat berlainan kaum

3. Apakah kebaikan mempunyai sahabat yang berlainan kaum?

KBAT
Menilai

- (i) Dapat mempelajari adat resam dan budaya kaum lain
- (ii) Memupuk perpaduan kaum
- (iii) Dapat memupuk sikap tolak ansur antara satu sama lain

4. Apakah cabaran yang dihadapi dalam persahabatan yang melibatkan pelbagai kaum?

KBAT
Menganalisis

- (i) Perbezaan amalan dan budaya
- (ii) Penggunaan bahasa yang berlainan

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

**KBAT****EKSTRA****IDEA**

Ekonomi

Pelabur

Pergaduhan

Huru-hara

Kempen

Nilai murni

Rajah di bawah menunjukkan contoh kepelbagaian kaum, rumah ibadat dan perayaan di Malaysia.



1. Nyatakan faedah yang diperoleh apabila kita dapat hidup dalam keadaan aman damai.

KBAT
Menilai

(i) Ekonomi negara dapat berkembang pesat

(ii) Rakyat dapat menjalankan pelbagai aktiviti dengan selesa

(iii) Rakyat dapat hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera

(iv) Pelabur akan yakin untuk melabur di negara kita

2. Jika semua kaum tidak dapat bertolak ansur, apakah yang akan berlaku kepada masyarakat dan negara?

KBAT
Menganalisis

(i) Pergaduhan antara kaum

(ii) Negara huru-hara

(iii) Ekonomi tidak stabil

(iv) Pentadbiran kucar-kacir

3. Cadangkan inisiatif yang boleh diambil oleh kerajaan bagi menyatupadukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

KBAT
Menilai

(i) Menjayakan kempen Budi Bahasa

(ii) Menerapkan nilai murni dalam kurikulum dan kokurikulum

(iii) Menganjurkan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, rumah terbuka dan hari keluarga

Terima mana-mana jawapan yang munasabah



KBAT

EKSTRA

IDEA >>>

Penyalahgunaan
talian

Keseronokan

Kurang
kesedaran


Membuang
masa

Risiko

Undang-undang

Kempen

Gambar di bawah menunjukkan seorang remaja yang bertindak membuat panggilan palsu tentang kes kebakaran kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.



1. Wajarkah tindakan remaja tersebut membuat panggilan palsu tentang kes kebakaran kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat? Berikan alasan anda.

(i) Tidak wajar

(ii) Dia menyalahgunakan talian kecemasan tanpa memikirkan kesan buruk yang akan berlaku

(iii) Dia tidak menghargai perkhidmatan awam yang disediakan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat

2. Jelaskan kesan apabila remaja tersebut membuat panggilan palsu tentang kes kebakaran.

(i) Membuang masa dan tenaga pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat

(ii) Menyebabkan mangsa kes kebakaran sebenar tidak dapat memperoleh bantuan dengan segera apabila pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat bergerak ke lokasi kes kebakaran palsu terlebih dahulu

(iii) Mungkin menyebabkan risiko kematian orang lain jika berlakunya kes kebakaran yang sebenar pada masa yang sama dengan panggilan palsu dibuat

3. Huraikan langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kes panggilan palsu kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.

(i) Menguatkuasakan undang-undang/ Mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap individu yang membuat panggilan palsu

(ii) Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan menggunakan talian kecemasan secara berhemah

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

KBAT
Menilai

KBAT
Menilai



KBAT

EKSTRA



Keutamaan

Meringankan

Peluang

Sumbangan

Ekonomi

Sukan

Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan perkhidmatan awam di negara kita.

KUALA LUMPUR 7 Nov. – RapidKuantan yang bakal memulakan operasi pada 1 Disember ini dijangka mampu menarik lebih banyak penduduk Kuantan menggunakan perkhidmatannya kerana mempunyai pelbagai ciri keselamatan dan mesra pengguna, terutamanya orang kurang upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak.

“Bas berkenaan berupaya untuk direndahkan sehingga 254 milimeter dari lantai bas ke tanah bagi kemudahan OKU, warga emas dan kanak-kanak.”

1. Apakah perasaan anda apabila membaca berita di atas? Berikan alasan anda.

KBAT

Menganalisis

Gembira kerana golongan kurang upaya juga diberikan keutamaan dan keistimewaan

2. Jelaskan kepentingan melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap golongan kurang upaya.

KBAT

Menilai

(i) Meringankan beban yang ditanggung oleh golongan kurang upaya

(ii) Memberikan peluang yang sama rata dengan individu normal

(iii) Mengelakkan golongan kurang upaya berasa terpinggir dalam kalangan masyarakat

3. Orang kurang upaya turut memberikan sumbangan kepada negara. Jelaskan.

KBAT

Mencipta

Orang kurang upaya turut memberikan sumbangan kepada negara. Mereka terlibat dalam bidang ekonomi dan menyumbangkan jasa dalam pembangunan negara. Di samping itu, mereka turut menaikkan nama negara dalam bidang sukan paralimpik.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah



KBAT

EKSTRA

IDEA >>> Sopan

Menasihati

Melaporkan

Mengajar

Teladan

Menegur

Setiap tahun, pelbagai majlis diadakan oleh masyarakat atau sesebuah organisasi sama ada majlis rasmi atau majlis tidak rasmi.

1. Sekiranya anda dijemput ke sesuatu majlis, nyatakan pakaian yang akan anda pilih untuk menghadiri majlis tersebut.

KBAT
Mengaplikasi

Memakai pakaian yang sopan atau sesuai/ Tidak memakai pakaian yang menjatuhkan imej diri

2. Jika terdapat orang yang membuat gangguan semasa sesuatu majlis berlangsung, apakah reaksi anda?

KBAT
Mengaplikasi

Memberikan nasihat kepadanya agar tidak mengganggu majlis tersebut dan melaporkannya kepada tuan rumah

3. Adab sangat penting semasa menghadiri sesuatu majlis. Cadangkan cara-cara untuk memupuk adab dalam kalangan generasi muda semasa menghadiri sesuatu majlis.

KBAT
Menganalisis

Ibu bapa mengajar anak-anak tentang adab semasa berada dalam majlis dan menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak ketika menghadiri sesuatu majlis. Ibu bapa juga haruslah menasihati dan menegur anak-anak yang tidak beradab.

4. Cadangkan adab berpakaian mengikut majlis berikut:

KBAT
Mengaplikasi

(a) Majlis konvokesyen

Pakaian kebangsaan atau pakaian tradisional yang sopan / Lounge suit

(b) Majlis Hari Lahir

Seluar panjang / Skirt / Blaus / Gaun kasual

Kemeja lengan pendek / Baju batik

(c) Mesyuarat Agung PIBG

Kemeja lengan panjang, kemeja batik, seluar panjang / Seluar panjang dengan blaus yang sesuai

Terima mana-mana jawapan yang munasabah



KBAT

EKSTRA

IDEA >>> Kurang pengetahuan | Adil | Tidak puas hati | Kempen | Media massa

Maklumat di bawah berkaitan dengan hukuman kesalahan kebebasan bersuara.

Seorang remaja didakwa mengikut Seksyen 233(1)(A) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 disebabkan penulisan yang boleh mencetuskan huru-hara dan ancaman terhadap institusi raja. Jika disabitkan kesalahan, remaja tersebut boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM50 000 atau penjara atau kedua-duanya.

1. Pada pendapat anda, mengapakah remaja tersebut melanggar kebebasan bersuara?

KBAT
Menilai

(i) Kurang pengetahuan tentang kebebasan bersuara

(ii) Bertindak tidak mengikut undang-undang

(iii) Menyebarkan maklumat yang tidak benar atau yang boleh menggugat keamanan negara

2. Kebebasan bersuara amat penting dalam sesebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum. Bincangkan.

KBAT
Menganalisis

Kebebasan bersuara amat penting untuk mewujudkan situasi yang adil kepada semua kaum di samping masyarakat dapat menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran negara. Hal ini akan menjamin keharmonian dan keamanan negara.

3. Cadangkan langkah-langkah untuk memberikan pengetahuan dan maklumat kepada masyarakat tentang kebebasan bersuara.

KBAT
Menilai

(i) Mengadakan kempen kesedaran

(ii) Melalui pendidikan kepenggunaan

(iii) Melalui media massa

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

**KBAT****EKSTRA**

IDEA >>> Golongan lemah | Peluasan pengaruh | Kekayaan | Nyawa | Harta benda | Kewangan | Sokongan

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa (UKKA) digubal untuk memberikan perlindungan kepada mereka yang tidak atau tidak lagi mengambil bahagian dalam pertempuran serta mengehadkan penggunaan senjata dan kaedah peperangan.

1. Senaraikan golongan yang dilindungi oleh undang-undang kemanusiaan antarabangsa (UKKA).

Kanak-kanak, tentera yang cedera, doktor dan pasukan perubatan, orang awam, wanita serta orang tua

2. Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peperangan.

KBAT

Menganalisis

(i) Meluaskan pengaruh dan wilayah

(ii) Mendapatkan bekalan bahan mentah dan keperluan pasaran

(iii) Menguasai kekayaan negara lain

3. Jelaskan kesan-kesan peperangan.

KBAT

Menilai

(i) Mengorbankan banyak nyawa

(ii) Menyebabkan kerosakan harta benda

(iii) Negara-negara yang berperang terpaksa menanggung perbelanjaan peperangan yang besar

4. Huraikan langkah-langkah untuk membantu mangsa peperangan.

KBAT

Menilai

(i) Memberikan bantuan kewangan seperti derma

(ii) Menganjurkan pameran tentang kesan peperangan

(iii) Memberikan sokongan moral melalui media sosial

(iv) Menawarkan diri untuk berkhidmat sebagai sukarelawan

5. Setujukah anda bahawa rundingan adalah lebih baik daripada peperangan? Berikan alasan anda.

Setuju kerana dapat mengelakkan pertumpahan darah, kecederaan dan kerosakan harta benda

Terima mana-mana jawapan yang munasabah